

## → INSPIRASI



Fauzi (kanan) bersama pelanggan yang membeli baja kompos organik keluaran FJ Agrosience.

# FJ Agrosience komersial baja kompos tahi arnab

➔ Graduan UPM perkenal formula baja kompos organik bercirikan pertanian mesra alam, optimum sisa buangan

Oleh **Liyana Tarmizi**  
bhnews@bh.com.my

▪ Teluk Intan

**B**ermodalkan hanya RM200, seorang graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam bidang Sains Bioindustri tekad menangguhkan pengajian sarjananya untuk meneruskan perniagaan baja kompos organik dengan sentuhan formulanya sendiri.

Walaupun perniagaan ini baru bermula pada November 2015, pemilik FJ Agrosience, Fauzi Jipri, 26, yang juga anak jati Tapah, Perak, kini wajar diangkat sebagai ikon usahawan dalam memperkembangkan pertanian kerana menggunakan tahi arnab sebagai bahan utama baja kompos.

Berbeza dengan baja kompos lain yang menggunakan tahi kambing, kuda dan lembu, FJ Agrosience boleh dianggap antara pelopor awal baja kompos tinja arnab di Malaysia yang dikomersialkan secara meluas di seluruh negara kerana melalui proses perap seratus peratus.

“Saya memang sudah lama membuat eksperimen dengan tahi arnab untuk dijadikan baja kompos organik, apatah lagi selepas tahu yang tahi arnab mengandungi kandungan nitrogen dan potassium yang tinggi, sekali gus melengkapkan nutrien untuk pembajaan.

“Pada tahun ketiga ketika menyediakan projek akhir tahun, kumpulan saya mengitar semula tahi arnab oleh sebab pada semester itu kami banyak terdedah dengan projek kitar semula sisa bahan pertanian.

“Dari segi proses tidak banyak beza dengan petani baja kompos lain, cuma saya menekankan ciri-ciri pertanian yang mesra alam dan mengoptimalkan sisa buangan pertanian. Jadi, saya tidak menggunakan kaedah pembakaran,” katanya ketika ditemui di sini.

Fauzi berkata, kompos tahi arnab berkemampuan untuk melakukan beberapa kerja pada satu masa, misalnya membekalkan nutrien untuk pokok di samping menyubur dan merawat tanah bermasalah.

### Info

### FJ Agrosience

- Menggunakan tinja arnab sebagai bahan utama baja kompos.
- Tinja arnab mengandungi kandungan nitrogen dan potassium yang tinggi.
- Mendapat sumber tahi arnab

daripada neneknya yang membelanya sebanyak 40 ekor arnab di kampung.  
→ FJ Agrosience turut menyediakan perkhidmatan Klinik Asas Tani.



Fauzi turut mengendalikan kelas di Klinik Asas Tani miliknya.

Dalam pada itu, usahanya bertambah baik kerana beliau mendapat sumber tahi arnab daripada neneknya yang membelanya sebanyak 40 ekor arnab di kampung.

“Selain memperoleh tahi arnab ini dari ladang di sekitar Perak, saya juga membelanya sebanyak 30 ekor arnab di rumah, tidak termasuk arnab peliharaan nenek.

### Buka ladang arnab

“Bagaimanapun, untuk beberapa tahun akan datang, fokus saya masih terarah kepada perniagaan baja kompos organik sebelum rancangan yang lebih besar untuk membuka ladang arnab,” katanya.

Lebih membanggakan, kini FJ Agrosience sudah mempunyai beberapa pelanggan tetap termasuk dalam pasaran korporat dan jabatan kerajaan, walaupun perniagaannya baru berusia setahun jangung.

Fauzi yang kini menggaji tiga pekerja, berkata produknya juga mendapat permintaan oleh pekebun bandar, yang menanam pokok bunga secara kecil-kecilan di keliling rumah mereka.

Beliau berkata, selain bengkel

yang dikendalikan sendiri, beliau pernah dijemput oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai jurucakap serta ahli panel untuk bengkel pertanian bawah kendalian jabatan kerajaan.

Fauzi berkata, beliau banyak mendapat dorongan daripada Pensyarah Kanan Jabatan Sains Tanaman Fakulti Sains Pertanian UPM kampus Bintulu, Dr Susilawati Kassim yang kini menjadi penasihat rasmi syarikatnya.

Mengenai usaha Fauzi, Susilawati berkata, pencapaian Fauzi boleh dikatakan sebagai kebanggaan untuk orang muda apatah lagi beliau juga sedang berusaha mewujudkan persatuan pengeluar dan pengguna baja kompos.

Malah, katanya, projek pemindehan ilmu di bawah Kementerian Pengajian Tinggi di Kudasang, Sabah, juga sangat berjaya.

“Kejayaan mengitar semula sisa sayuran di Kudasang mencatatkan pengurangan penggunaan baja kimia sebanyak 60 hingga 80 peratus,” katanya ketika dihubungi.

**BH PLUS**

di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video